

SUATU
KARANGAN

BERKENAAN

BIDANG ASAL & SEBENAR

SERTA MATLAMAT

KERAJAAN MADANI

OLEH FILASUF

JOHN LOCKE

MDCLXXXIX

Diterjemah oleh Khairul Anam Che Mentri, Edward Dass,
Wan Mohd Faqqerrurrazzi Firdaus Mohd Isa
Diterbitkan oleh Institut Kajian Dasar dan
Konrad Adenauer Stiftung

MMIX



6/3/2025
T.D.
JCC

SUATU KARANGAN BERKENAAN
BIDANG ASAL & SEBENAR
SERTA MATLAMAT
KERAJAAN MADANI

JOHN LOCKE

Buku ini merupakan bahagian kedua dari karya John Locke,
Two Treatises of Government



YAYASAN PERDANA



1013859



Institut Kajian Dasar



Makalah Tentang Kerajaan

*Buku ini merupakan bahagian kedua dari karya John Locke,
Two Treatises of Government*

Terjemahan

Mohd Khairul Anam Che Mentri

Edward Dass

Wan Mohd Faqqerrurrazzi Firdaus Mohd Isa

diterbitkan oleh

Institut Kajian Dasar (IKD)

1-35, Jalan Orkid 1F,

Seksyen BS 1, Bukit Sentosa,

Rawang, Selangor,

Malaysia.

(ikdbudaya@gmail.com)

dengan kerjasama

Konrad Adenauer Stiftung

Cetakan Pertama, 2009.

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan
1. Politik. 2. Persemakmuran 3. Perundangan I. John Locke II. Judul:
Makalah Tentang Kerajaan*

*Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana
bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan
dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Insti-
tut Kajian Dasar.*

ISBN 978-983-884-088-0

font Garamond


dicetak di

Mj Production

No. 23 Jln. PBS 14/13,

Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan, Selangor.







I know a Gentleman, who calls it the A. B. C. of *Politicks*.
- Walter Moyle





daftar isi

Pengantar	ix
BAB 1	
<i>Tentang Kuasa Politik</i>	13
BAB 2	
<i>Tentang Keadaan Tabi'e</i>	17
BAB 3	
<i>Tentang Keadaan Perang</i>	27
BAB 4	
<i>Tentang Perhambaan</i>	33
BAB 5	
<i>Tentang Hak Milik</i>	37
BAB 6	
<i>Tentang Kuasa Kebapaan</i>	55
BAB 7	
<i>Tentang Masyarakat Politik atau Sipil</i>	73
BAB 8	
<i>Tentang Permulaan Masyarakat-masyarakat Politik</i>	87
BAB 9	
<i>Tentang Matlamat-matlamat Masyarakat Politik dan Kerajaan</i>	107
BAB 10	
<i>Tentang Pembentukan Komuniti Persemakmuran Bersama</i>	113
BAB 11	
<i>Tentang Takat Kuasa Perundangan</i>	117



BAB 12	
<i>Tentang Kuasa Perundangan, Pelaksanaan dan Persekutuan Komuniti Persemakmuran Bersama</i>	127
BAB 13	
<i>Tentang Kuasa-kuasa Bawahan dalam Komuniti Persemakmuran Bersama</i>	131
BAB 14	
<i>Tentang Hak Keistimewaan</i>	141
BAB 15	
<i>Tentang Kuasa Kebapaan, Politik dan Despotik yang dibincangkan bersama</i>	149
BAB 16	
<i>Tentang Penaklukan</i>	155
BAB 17	
<i>Tentang Rampasan Kuasa</i>	169
BAB 18	
<i>Tentang Kezaliman</i>	171
BAB 19	
<i>Tentang Pembubaran Kerajaan</i>	181



KATA PENGANTAR

Pada 19 April 2010 Bernama melaporkan Sultan Perak bertitah:

“Sultan adalah batang tubuh yang diamanahkan oleh Ilahi untuk memenuhi tanggungjawab tertentu dan yang penting dipertahankan adalah institusi pemerintahan di bumi ini yang telah diwarisi sejak zaman berzaman, yang mempunyai akar sejarah lalu menentukan rupa bentuk dan wajah kepada budaya berkerajaan dan bernegara dengan berpaksikan prinsip rakyat beraja, negeri bersultan. Seseorang Raja Pemerintah itu di samping memenuhi peranan tersurat sebagai payung naungan dan lambang perpaduan kepada warga pelbagai kaum, turut mempunyai peranan secara tersirat yang perlu dilaksanakan dengan sabar lagi tabah, penuh berhikmah lagi bijaksana.

“Apabila negeri dilanda krisis, kearifan Raja Pemerintah sebagai penimbang tara sangat kritikal. Baginda perlu mengimbangkan secara saksama keperluan pelbagai kumpulan warga. Ia menjadi lebih rumit dalam sebuah negeri yang warganya terdiri dari pelbagai agama, keturunan dan budaya dengan tahap pencapaian sosial dan ekonomi yang masih mempunyai jurang yang ketara.”

Apabila pemikiran politik seperti ini diungkapkan di abad ke-21 maka *Karangan* John Locke perlu dibaca, dibedah dan diwacanakan secara serius. Kita melihat saki baki pemikiran Sir Robert Filmer (1588-1653) diangkat kembali. Filmer menulis *Patriarcha, or the Natural Power of Kings* yang mengemukakan raja mempunyai kuasa mutlak yang dianugerahkan oleh Tuhan. Maka mereka derhaka kepada raja adalah melawan Tuhan. Pemikiran seperti ini tentunya tidak akan membawa kemajuan kepada pemikiran politik dan demokrasi.

Two Treatises of Government (Dua Karangan tentang Kerajaan) yang ditulis oleh John Locke (1632-1704) merupa satu karya agung dunia yang meletakkan pemikiran politik moden di atas landasan yang baru. Karangan



pertama merupakan sanggahan kepada Robert Filmer dan pengikut-pengikutnya yang menggunakan ayat-ayat dan kisah-kisah dalam kitab Perjanjian Lama untuk membina teori raja mempunyai kuasa mutlak yang dianugerah oleh Tuhan. Locke menamakan Karangan pertama sebagai *Prinsip-prinsip dan Asas Palsu Sir Robert Filmer serta Pengikutnya Dikesan dan Ditumpaskan*. Karangan pertama bersifat destruktif, Locke melakukan dekonstruksi terhadap hujah mereka yang berlindung di sebalik agama untuk mempertahankan kekuasaan. Karangan kedua bersifat positif dan konstruktif dimana Locke membina asas-asas sebenar kerajaan. Bermula dari manusia dalam keadaan tabi'e yang memiliki kebebasan dan persamaan Locke membangunkan teori permulaan hak pemilikan peribadi dan pembentukan masyarakat politik sebagai satu kontrak. Seterusnya filasuf itu mengungkapkan matlamat masyarakat politik, tentang perhambaan, kezaliman dan hak rakyat untuk bangun menentang kezaliman tersebut.

Apa yang dibentangkan kepada pembaca hanyalah Karangan kedua yang diterjemahkan sebagai *Suatu Karangan berkenaan Bidang Asal & Sebenar serta Matlamat Kerajaan Madani* kerana ianya lebih mendesak untuk membantu pembangunan semula pemikiran politik dan demokrasi di Malaysia. Demokrasi di Malaysia terbantut kerana ketiadaan wacana mendalam terhadap asas-asas kebebasan, persamaan dan matlamat sebenar kerajaan. Locke adalah pemikir pertama yang meletakkan kebebasan, persamaan dan pemilikan peribadi sebagai asas masyarakat politik dan mengungkapkan hak rakyat untuk bangun menentang pemerintahan yang zalim. Tentunya telah berlaku pelbagai pemberontakan melawan kezaliman di merata dunia sebelum kehadiran Locke tetapi pemberontakan tersebut tidak didorong atau menghasilkan satu teori politik yang baru. Maka yang berlaku hanyalah pertukaran dinasti. Tetapi teori Locke meletakkan asas baru pemerintahan dan pemerintahan tersebut adalah terbatas.

Malaysia kini berada di satu persimpangan demokrasi. Apakah kita akan maju kepada tahap demokrasi yang matang, demokrasi yang tidak memiliki undang-undang yang menyekat hak kebebasan asasi, demokrasi yang akan merangsang kreativiti manusia atau mahu terus kekal sebagai demokrasi otoritarian, demokrasi yang tidak menghargai akal manusia? Mereka yang mempunyai kepentingan dalam demokrasi otoritarian kelihatan menggunakan hujah-hujah yang menyentuh sentimen kaum dan agama. Sememangnya agama sering digunakan sebagai topeng kepentingan. Inilah yang dilakukan

oleh Robert Filmer dalam *Patriarcha*. Tetapi agama juga boleh menjadi ilham kepada pembebasan dan inilah yang dilakukan oleh John Locke ketika menyanggah Robert Filmer. Pertembungan ini berlaku sekarang di kalangan umat Islam di Malaysia. Maka kami bercadang untuk menterjemahkan juga Karangan pertama John Locke untuk melihat dan mempelajari pergelutan dua tafsiran agama, satu tafsiran untuk meneruskan kekuasaan otoritarian yang sedia ada dan satu lagi tafsiran pembebasan.

Menuju kepada demokrasi matang memerlukan komitmen agama dengan menghayati tafsiran pembebasan. Peranan akal dalam tafsiran ini sememangnya amat penting justeru itu dalam tafsiran pembebasan akal adalah rakan kepada wahyu. Dalam Karangan ini kita melihat Locke menggunakan kuasa akalnya untuk membentangkan usaha manusia untuk mencipta masyarakat politik, membentuk kerajaan untuk menjaga kebebasannya dan bagaimana akad atau kontrak tersebut gugur dan manusia berhak bangun menentang kerajaan yang zalim. Sebaliknya dalam tafsiran regresif, mereka yang menggunakan agama untuk menjaga kepentingan kekuasaan akan mencurigai, bahkan kadang kala menyerang peranan akal. Wahyu dilihat sebagai bertentangan dengan akal. Akal digantikan dengan retorika, atau retorika seperti ungkapan “batang tubuh yang diamanahkan oleh Ilahi” digunakan untuk menidurkan akal.

Dengan itu perjuangan untuk mencapai demokrasi matang juga satu projek intelektual, usaha untuk menggilap akal agar sentiasa sedar terhadap segala ungkapan muluk-muluk yang memperlekehkan darjat kemuliaan insan.

Khalid Jaafar



BAB SATU

Tentang Kuasa Politik



I

1. Sudah ditunjukkan dalam Wacana yang telah berlangsung sebelum ini,

i. Bahawa *Adam* tiada memiliki, baikpun dengan Hak Kebapaan yang *Tabi'e* mahupun Anugerah dari Tuhan, sebarang Kewenangan ke atas Anak-anaknya, atau Kekuasaan ke atas Dunia ini sebagaimana yang disangkakan.

ii. Jikalau ada dia memilikinya sekalipun, namun itu tiadalah bermakna yang Waris-warisnya juga Berhak memilikinya.

iii. Sekiranya Waris-warisnya memilikinya, namun tiada pula Hukum *Tabi'e* maupun Hukum positif Tuhan yang menentukan Waris yang Sebenar dalam semua Kasus yang akan bermunculan kelak, maka dari itu Hak Pewarisan, dan sekaligus memegang Tampuk Pemerintahan, sudah barang tentu tidak dapat ditentukan.

iv. Seandainya itu telah ditentukan sekalipun, namun pengetahuan tentang siapa yang merupakan Keturunan Tertua dari Anak-cucu Adam, bagaimanapun sudah lama hilang, dan tiada satupun dari Bangsa-bangsa Manusia dan Kaum-kerabat yang ada di Dunia ini, yang dapat mengaku sebagai Kerabat Tertua dan memegang Hak Pewarisan.

Kesemua kenyataan ini, saya kira, harus tampak jelas pada pandangan kita, dan justeru itu mustahil bagi Pemerintah-pemerintah di Bumi kini untuk cuba mendapatkan manfaat atau memperoleh walau barang sedikitpun bayangan Kewenangan daripada apa yang dianggap sebagai Mata Air segala Kuasa itu, dan *Kekuasaan Peribadi dan Bidangkuasa Kebapaan Adam*, tidak akan menjadi penyebab untuk seseorang merasakan bahawa semua Kerajaan yang ada di Dunia ini

hanyalah hasil daripada Pemaksaan dan Keganasan belaka, dan Manusia hidup bersama berlandaskan Peraturan-peraturan Haiwani semata-mata, di mana yang paling kuat berkuasa, dan itu menjadi pokok-punca berlakunya Kacau-bilau, Kejahatan, Huru-hara, Hasut-menghasut dan Pemberontakan yang berpanjangan, (dan semua ini perkara-perkara yang ditentang keras oleh para pendukung Hipotesis itu). Justeru itu sangatlah mustahak untuk mendapatkan cara lain dalam mendirikan Kerajaan, dan Punca-asal lain bagi Kuasa Politik, serta cara lain untuk melantik dan mengetahui Orang yang akan memegangnya, berbanding apa yang telah diajarkan *Sir Robert F.* kepada kita.

2. Bagi tujuan ini, saya kira tiadalah menjadi kesalahan untuk kita gariskan terlebih dahulu apa yang saya kira sebagai Kuasa Politik. Sesungguhnya Kuasa *Pemerintah* ke atas Rakyatnya dapat dibezakan dengan Kuasa *Bapa* ke atas Anak-anaknya, Kuasa *Tuan* ke atas Orang Gajinya, Kuasa *Suami* ke atas Isterinya, dan juga Kuasa *Tuan* ke atas Hambanya. Semua Kuasa yang berlainan ini kadangkala berlaku serentak pada Orang yang sama, dan jika dia dipertimbangkan dalam Hubungan-hubungan yang berbeza ini, maka itu dapat membantu kita untuk membezakan Kuasa-kuasa ini antara satu dengan yang lain, dan dapat menunjukkan perbezaan di antara seorang Penguasa sebuah Komuniti Persemakmuran Bersama, seorang Bapa dalam sebuah Keluarga, dan Kapten sebuah kapal.

3. *Kuasa Politik* demikian itu saya kira adalah *Hak* untuk membuat Undang-undang dengan Hukuman Mati dan semua Hukuman lain yang lebih ringan bagi Mengatur dan Memelihara Hak Milik, dan menggunakan daya upaya Komuniti, dalam Melaksanakan Undang-undang tersebut, dan dalam mempertahankan Komuniti Persemakmuran Bersama daripada Serangan Kuasa Asing, dan ini semua hanyalah untuk Kebaikan Awam belaka.



BAB DUA

Tentang Keadaan Tabi'e



II

4. Bagi memahami Kuasa Politik dengan betul, dan memperolehnya dari Punca-asalnya, maka kita mestilah mempertimbangkan apakah Keadaan Manusia secara tabi'nya, dan itu adalah, *Keadaan Bebas sepenuhnya* untuk mengarah Tindakan-tindakan mereka, dan menentukan Pemilikan, dan Diri Perseorangan mereka sepertimana yang mereka fikirkan sesuai, dalam Batas-batas Hukum Tabi'e, tanpa perlu meminta kebenaran, atau bergantung pada Kehendak Orang lain.

Hal itu juga merupakan *Keadaan Samarata*, di mana semua Kuasa dan Bidangkuasa bertimbal-balik, dan tiada sesiapaupun yang memiliki lebih daripada orang lain: dan tiada apa yang lebih jelas berbanding Makhluk-makhluk yang terdiri daripada spesis dan kedudukan yang sama, dan telah dilahirkan dengan kelebihan-kelebihan Tabi'e yang sama, dan menggunakan daya-daya kemampuan yang sama; seharusnya juga sama antara satu sama lain tanpa ada sebarang Penghinaan maupun Penaklukan, melainkan Tuhan sekalian mereka dengan Iradatnya meletakkan seorang lebih tinggi dari orang lain, dan menganugerahkan kepadanya dengan perlantikan yang jelas lagi nyata Hak Kekuasaan dan Kedaulatan yang tak diragui.

5. *Kesamarataan* Manusia secara Tabi'e ini, dilihat oleh Hooker yang Bijaksana itu sebagai bukti-dalam-swadiri, dan melampaui semua persoalan, sehinggakan beliau menjadikannya Asas bagi Kewajiban untuk saling Cinta-mencintai antara sesama Manusia, dan juga asas Terbinanya Tanggungjawab yang mereka saling hutang-menghutangi antara satu sama lain, dan dari situ jugalah munculnya Pepatah agung beliau *tentang Keadilan dan Kebajikan*. Kata beliau:

Dorongan tabi'e yang samalah yang membuatkan Manusia mengerti bahawa mereka bertanggungjawab untuk Mencintai orang lain lebih daripada diri mereka sendiri, dan kerana melibat perkara-perkara itu adalah sama, maka perlunya satu ukuran yang sama untuk semua. Jika saya mendambakan kebaikan, sebagaimana

didambakan setiap jiwa yang lain, maka bagaimana saya dapat memuaskan hasrat saya itu jika saya tidak cermat untuk memuaskan hasrat yang sama, yang tentunya sama dan serupa dalam diri Orang lain? Seandainya sesuatu diberi bertentangan dengan hasrat ini maka ia tentunya akan mengecewakan mereka sebanyak mengecewakan diri saya sendiri; dan jika saya melakukan kemudaratan terhadap orang lain maka pastinya saya juga akan menanggung kesengsaraan, kerana tiada sebab untuk orang lain menunjukkan kecintaan mereka kepada saya lebih dari apa yang saya tunjukkan kepada mereka. Oleh itu, hasrat saya untuk dicintai oleh manusia lain di Alam ini memberi Tanggungjawab tabi'e ke atas saya untuk memberikan mereka kasih-sayang yang setimpal. Dari hubungan kesamarataan antara sesama manusia inilah akal kita menarik Peraturan dan Hukum untuk memandu kehidupan yang diketahui oleh semua orang. Eccl. Pol. Lib. 1.

6. Sungguhpun ini merupakan *Keadaan Kebebasan*, akan tetapi ia *bukanlah Keadaan yang Membenarkan* untuk berbuat semahu hati; walaupun Manusia dalam Keadaan itu memiliki Kebebasan yang tak terkawal untuk menentukan hal-ehwal berkaitan Diri dan Pemilikannya, namun dia tiada Kebebasan untuk membinasakan dirinya sendiri, atau manamana Makhhluk dalam Milikannya melainkan untuk tujuan yang lebih mulia, dari sekadar tuntutan Pemeliharaannya semata-mata. *Keadaan Tabi'e* mempunyai Hukum Tabi'e yang mengawalinya, dan mewajibkan setiap orang mematuhiNya: Dan Akal, yang merupakan Hukum tersebut, mengajarkan seluruh Manusia, yang menjadikannya panduan, bahawa tiada sesiapaupun, justeru kerana semua manusia adalah sama dan merdeka, yang boleh memudaratkan orang lain dalam Nyawa, Kebebasan, dan Pemilikannya; ini kerana seluruh Manusia adalah Ciptaan sang Pencipta yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana, dan kerana semua Manusia adalah Hamba kepada Tuan sekalian Alam ini, dan mereka diutuskan ke Dunia ini dengan Perintah dan UrusanNya; dan mereka adalah MilikNya, dan mereka diciptakan mengikut KehendakNya. Dan kerana dilengkapi dengan daya kemampuan yang sama, dan berkongsi kesemuanya dalam satu Komuniti Tabi'e yang sama, jadi tiada sepatutnya berlaku *Perendahan* martabat sesama kita, sehingga *Membenarkan* berlakunya saling binasa-membinasa antara satu dengan yang lain, seolah-olah kita diciptakan tiada lain hanya untuk kegunaan sesama sendiri, sepertimana Makhhluk-makhhluk berdarjat rendah yang diciptakan hanya untuk kegunaan kita. Memandangkan setiap orang terikat untuk memelihara diri masing-masing, dan tidak meninggalkan Keadaannya itu sesuka hati; maka dengan sebab yang sama selagimana tidak mempertaruhkan Pemeliharaan dirinya sendiri,

dia seharusnya, sebanyak mana yang dia termampu, *memelihara seluruh Manusia*, dan tiadalah boleh melainkan untuk melaksanakan Keadilan ke atas seorang Pesalah, mencabul, atau mengancam nyawa, atau apa-apa sahaja yang bertujuan untuk Memelihara Nyawa, Kebebasan, Kesihatan, Anggota Tubuh, atau Barang-barang orang lain.

7. Maka dari itu semua Manusia boleh disekat daripada menceroboh Hak-hak orang lain, dan daripada menyakiti orang lain, dan Hukum Tabi'e, yang bertujuan mewujudkan Kedamaian dan *Memelihara seluruh Manusia* wajiblah dipatuhi, dan *Pelaksanaan* Hukum Tabi'e dalam Keadaan itu diletakkan ke dalam tangan setiap orang agar mereka Berhak menghukum para Pencabul Hukum mengikut Kadarnya, supaya dapat menghalang Pencabulannya. Oleh kerana *Hukum Tabi'e*, sepertimana Undang-undang lain berkenaan Manusia di Dunia ini, akan menjadi sia-sia, sekiranya tiada sesiapa pun dalam Keadaan Tabi'e, mempunyai *Kuasa untuk Melaksanakan* Hukum tersebut, dan dengan demikian memelihara orang yang tidak bersalah dan menghalang orang-orang yang melakukan kesalahan, dan jikalau ada sesiapa dalam Keadaan Tabi'e boleh menghukum orang lain, kerana kejahatan yang dilakukannya, maka setiap orang pun boleh berbuat begitu. Kerana dalam *Keadaan yang Samarata sepenuhnya* itu, di mana secara tabi'inya tiada sesiapa pun yang lebih tinggi atau berkuasa ke atas orang lain, maka apa yang seorang boleh lakukan dalam Melaksanakan Hukum itu, seharusnya juga Berhak dilakukan oleh setiap orang.

8. Dan demikianlah dalam Keadaan Tabi'e, *seorang Manusia memperoleh Kuasa ke atas orang lain*; pun begitu dia tidak pula mempunyai Kuasa Mutlak atau Sewenang-wenang, untuk digunakan terhadap seorang Penjenayah yang berada dalam genggamannya, mengikut hawa nafsunya yang meluap-luap atau semahu hatinya, tetapi sekadar menggunakannya untuk memberi balasan yang setimpal dengan Pencabulan yang dilakukannya, menurut ketetapan Akal-budi dan Hati-nurani yang tenang, yang mana sangat berguna sebagai *Ganti-rugi* dan *Penghalang* (dari kesalahan tersebut diulangi). Hatta kedua-dua perkara ini adalah satu-satunya sebab, kenapa seorang Manusia sah untuk mendatangkan kemudaratan pada orang lain, dan itu kita panggil sebagai *bukuman*. Dengan mencabuli Hukum Tabi'e, seorang Pesalah mengisytiharkan dirinya untuk hidup secara menuturi Peraturan yang bertentangan dengan *akal* dan Kesamarataan umum, yang merupakan ukuran yang Tuhan telah tetapkan berhubung tindakan-tindakan Manusia, demi kesejahteraan mereka bersama: dan dengan itu dia

berbahaya kepada seluruh Manusia, dan dia telah menarikputuskan ikatan yang bertujuan melindungi mereka daripada kezaliman dan keganasan. Sanya sesungguhnya itu menjadi Pencerobohan terhadap seluruh spesies, dan Kedamaian serta Keselamatannya, yang telah diperuntukkan buat mereka menurut Hukum Tabi'e. Maka dari itu setiap orang dalam hal ini, dengan Hak yang dimilikinya untuk memelihara Manusia umumnya, boleh menyekat, atau bilamana perlu, menghapuskan perkara-perkara yang membahayakan diri mereka, dan dengan ini boleh mendatangkan padah ke atas sesiapa sahaja, yang telah mencabuli Hukum itu, agar dia menyesali perbuatannya itu, dan dengan demikian menghalangnya, dan dengan menjadikan dirinya Teladan buat orang lain, daripada melakukan kejahatan yang serupa. Maka dalam Kasus ini, dan berdasarkan asas ini, *setiap Manusia memiliki Hak untuk menghukum Pesalah, dan menjadi Pelaksana Hukum Tabi'e.*


9. Saya yakin percaya bahawa *doktrin* ini tampak terlalu aneh bagi sesetengah Orang; namun demikian sebelum sempat mereka mengutuknya, saya ingin terlebih dahulu meminta mereka menyelesaikan persoalan ini buat saya, dengan Hak apakah seorang Raja atau Negeri boleh menghukum mati, atau *menghukum seorang warga Asing*, atas apa-apa jenayah yang dia lakukan di Negara mereka. Sudah pasti Undang-undang mereka yang digubal dengan Kebenaran yang mereka terima daripada kebulatan Tekad Perundangan, tidak mencakupi warga Asing. Mereka tidak pernah bercakap dengannya, dan jikapun mereka bercakap dengannya, adakah dia wajib mendengarnya. Kewenangan Perundangan, yang memberi mereka Kuasa ke atas Rakyat jelata dalam Komuniti Persemakmuran Bersama itu, tidaklah pula Berkuasa ke atasnya. Mereka yang mempunyai Kuasa Tertinggi membuat Undang-undang di *England*, *Perancis* dan *Belanda*, tiadalah pula Berkewenangan ke atas seorang *India Merah*, dan seluruh Manusia di Dunia ini: Dan dari itu sekiranya setiap Orang menurut Hukum Tabi'e tidak Berkuasa menghukum Kesalahan-kesalahan terhadapnya, sebagaimana perlu dia mengadili Kasus itu dengan waras, maka demikian itu saya tidak nampak bagaimana para Pemerintah dari mana-mana Komuniti boleh menghukum seorang warga Asing dari Negara lain, dan justeru merujuk kepadanya, mereka tidak boleh mempunyai Kuasa, lebih daripada apa yang setiap Orang miliki secara tabi'nya ke atas orang lain.

10. Selain dari jenayah yang melibatkan pencabulan Hukum, dan bertentangan dengan Peraturan Akal yang benar, di mana seorang itu merendahkan darjatnya dan mengisytiharkan dirinya keluar dari



005

1632 -1704



Sebagai salah seorang filsuf Pencerahan terawal di England, John Locke cuba membincangkan dengan terperinci tentang asal-usul dan sifat masyarakat madani. Perbincangan Locke tentang prinsip-prinsip kebebasan individu, kedudukan undang-undang, kerajaan dengan mandat rakyat, pemisahan kuasa, dan hak rakyat untuk memberontak terhadap kerajaan yang menindas, menjadikan *Makalah Kedua* ini sebagai salah satu tulisan yang amat berpengaruh di dalam sejarah falsafah politik.

INSTITUT
KAJIAN
DASAR

Institute
for
Policy Research



Konrad
Adenauer
Stiftung

ISBN 978-983-884-088-0



9 789838 840880

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA